

## Kembali kepada pendidikan asas agama

**MELAKA** - Pendidikan agama yang teguh mampu membendung individu daripada terlibat dengan gejala rasuah.

Timbalan Presiden Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia, Azlin Othman berkata, pendidikan agama merupakan asas penting membentuk akhlak diri yang baik serta membina keperibadian diri malah semua agama menolak perbuatan memberi dan menerima rasuah.

“Kita perlu kembali kepada ajaran asas agama dan

peranan ibu bapa penting dalam menyemai benih integriti sejak kecil lagi agar anak menolak perbuatan yang bertentangan dengan agama.



**AZLIN**

“Jika tiada permintaan sudah pasti tiada penawaran, maka selain benteng agama yang kukuh, masyarakat juga jangan sesekali memberi tawaran dan jangan juga beri jika diminta sekalipun,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Mengulas lanjut, Azlin berkata, pendidikan budaya

integriti di universiti penting kerana kes melibatkan rasuah agak tinggi dalam kalangan belia dan graduan.

Menurutnya, golongan itu merupakan aset yang akan membawa negara ke depan dan perlunya mereka ini didedaki untuk menyemai budaya benci rasuah.

“Sebagai contohnya Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah ada kursus Integriti dan Rasuah, dan ini wajar dicontohi.

“Selain itu peranan ahli politik perlu menjadi teladan yang boleh dicontohi dan kezaman politik kerajaan sangat penting untuk membanteras rasuah,” katanya.